



**UNIVERSITY
OF MALAYA**
The Leader in Research & Innovation

**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN GERAN
PENYELIDIKAN DI BAWAH
TAJAJAN
PUSAT KAJIAN
KECEMERLANGAN MELAYU
(PKKM)**

Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu (PKKM)

Bangunan Akademi Pengajian Melayu

Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur

No. Tel : 03-79677282

No. Faks : 03-79677281

E-mel : pkkm@um.edu.my

SENARAI KANDUNGAN

<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
BAHAGIAN 1 – PERMOHONAN	2
1.1 Definisi Geran Penyelidikan Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu	
1.2 Tujuan Geran Penyelidikan Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu	
1.3 Bidang Penyelidikan	
1.4 Syarat-syarat Permohonan	
1.5 Peraturan Permohonan	
1.6 Kriteria Penilaian	
1.7 Peruntukan Kewangan	
1.8 Hasil Penyelidikan	
1.9 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan	
BAHAGIAN 2 – PENILAIAN	5
2.1 Penilaian Geran Penyelidikan Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu	
BAHAGIAN 3 – PEMANTAUAN	6
3.1 Implementasi Projek Penyelidikan	
3.2 Pengawalan Projek Penyelidikan	
BAHAGIAN 4 – KEPUTUSAN	7
4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	
BAHAGIAN 5 – LAIN-LAIN	7
5.1 Ketua Projek Berhenti bertugas di IPT/Berpindah IPT	

BAHAGIAN 1 PERMOHONAN

1.1 Definisi Geran Penyelidikan Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu

Penyelidikan PKKM merupakan penyelidikan berkenaan Melayu yang dapat mengetengahkan isu-isu yang menjadi hambatan kepada kemajuan masyarakat Melayu agar cadangan bagi mengatasi permasalahan tersebut dapat diguna pakai untuk tujuan membangunkan masyarakat Melayu setanding dengan bangsa lain yang maju dan berjaya. Penyelidikan PKKM juga diharapkan dapat menghasilkan teori, konsep dan idea/teknologi baru sebagai satu kaedah yang boleh membantu kemajuan dan kecemerlangan masyarakat Melayu.

1.2 Tujuan Geran Penyelidikan Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu

Penyelidikan ini bertujuan untuk menggalakkan penemuan perkara yang menghambat kecemerlangan orang Melayu dan dapat mencadangkan teori, konsep dan idea penyelesaian masalah baru yang dapat mencemerlangkan masyarakat Melayu bertepatan dengan matlamat penubuhan PKKM yang bertepatan dengan visi dan misi PKKM.

Visi PKKM

Menjadi Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence) yang mengkaji dan mengemukakan penyelesaian praktis terhadap masalah pembangunan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu.

Misi PKKM

Menjalankan penyelidikan berimpak tinggi tentang isu dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Melayu dalam konteks Malaysia mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

1.3 Bidang Penyelidikan

Pembiayaan geran PKKM meliputi bidang-bidang asas yang dapat menyokong agenda strategik negara. Antara bidang yang dikenal pasti adalah seperti berikut :

- (i) Ekonomi
- (ii) Pendidikan
- (iii) Agama
- (iv) Isu Sosial
- (v) Kebijaksanaan Pribumi

1.4 Syarat-syarat Permohonan

Geran ini terbuka kepada ahli akademik IPTA dan IPTS dengan syarat-syarat berikut:

- (i) Warganegara Malaysia; dan
- (ii) Kakitangan akademik tetap/ kontrak , (Profesor, Profesor Madya, Felo Penyelidik Kanan, felo Penyelidik, Pensyarah Kanan, Pensyarah); atau
- (iii) Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama bertaraf tetap.
- (iv) Permohonan dari Universiti selain UM perlu mematuhi syarat-syarat berikut :
Ketua penyelidik adalah Kakitangan UM.
- (v) Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua penyelidik bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukan pada setiap fasa.
- (vi) Permohonan baru bagi mereka yang telah diluluskan geran pada fasa terdahulu akan diberi pertimbangan dengan mengemukakan bukti tahap selesai projek pada kadar 75 peratus (75%).
- (vii) Jumlah peruntukan yang dipohon adalah berdasarkan budi bicara pihak pengurusan penyelidikan. (Tempoh setahun bagi penyelidikan jangka pendek dan lebih setahun bagi penyelidikan jangka panjang)
- (viii) Ketua penyelidik yang berpindah Universiti hendaklah melepaskan kedudukan sebagai ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.

1.5 Peraturan Permohonan

- 1.5.1 Permohonan untuk Geran Penyelidikan PKKM perlu menggunakan Borang Permohonan Geran Penyelidikan Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu (PKKM) yang dapat diperoleh sama ada melalui Pejabat Urusan PKKM atau laman web PKKM dalam aplikasi Muat turun.
- 1.5.2 Permohonan untuk geran penyelidikan PKKM dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati bidang (peranggan 1.3) dan syarat (perenggan 1.4) di atas.
- 1.5.3 Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada pihak pengurusan penyelidikan PKKM. Hanya permohonan yang disokong oleh Ketua Jabatan/Pengarah PTJ sahaja yang akan diproses.
- 1.5.4 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran penyelidikan PKKM dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperoleh bagi projek tersebut.

1.6 Kriteria Penilaian

- 1.6.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan berkenaan dengan masyarakat Melayu yang dapat menghasilkan idea, kaedah atau konsep untuk meningkatkan/memperbaiki kelemahan masyarakat Melayu. Kajian juga perlulah memenuhi matlamat/objektif penubuhan PKKM yang ingin meningkatkan ketahanan Melayu sebagai sebuah masyarakat yang cemerlang; dan
- 1.6.2 Penyelidikan yang dapat menambah baik sesuatu dasar, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau
- 1.6.3 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu masyarakat Melayu bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan sedia ada bagi masyarakat Melayu.
- 1.6.4 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

1.7 Peruntukan Kewangan

- 1.7.1 **Vote 11000 – Gaji dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)**
 - 1.7.1.1 Gaji dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja. Gaji dan elaun Pembantu Penyelidik adalah mengikut julat RM1,800.00 hingga RM 4,000.00 (Gaji permulaan bagi setiap lantikan Pembantu penyelidik adalah sebanyak RM1,800.00).
- 1.7.2 **Vote 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan**
 - 1.7.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.
 - 1.7.2.2 Perjalanan dan pengangkutan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian PKKM) perlu mematuhi kriteria di bawah :
 - Perjalanan ke luar negara dibenarkan bagi penyelidikan jangka panjang sahaja tertakluk kepada kelulusan belanjawan bagi perjalanan keluar negara yang telah dipohon. Hanya ketua penyelidik sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.
 - Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan. (untuk penyelidikan jangka panjang)
 - Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan dan kepakaran.

1.7.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40 peratus (40%) daripada jumlah keseluruhan projek.

1.7.3 **Vote 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan**

1.7.3.1 Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Ini termasuklah bahan-bahan teknikal seperti alat tulis, bahan rujukan, fotostat, dakwat mesin pencetak, *pendrive* 8G, dan hanya 1 *hardisk* diperuntukkan untuk satu projek penyelidikan. (*Hardisk* perlu diserahkan kepada pihak pengurusan PKKM bersama bahan *softcopy* keseluruhan penyelidikan setelah tamat menjalankan kajian).

1.7.3.2 Permohonan pembelian software untuk penyelidikan mestilah melalui pihak pengurusan PKKM berdasarkan syarat kelulusan yang telah diperakukan.

1.7.4 **Vote 35000 – Aksesori dan Peralatan**

1.7.4.1 Hanya pembelian Khas dan aksesori yang berkaitan dengan projek penyelidikan dibenarkan (klausu ini hanya sah bagi penyelidikan yang mendapat kelulusan peruntukan khas bagi vote 35000 untuk kegunaan penyelidikan).

1.8 **Hasil Penyelidikan**

Hasil penyelidikan penuh perlu dihantar kepada pihak pengurusan penyelidikan PKKM mengikut format laporan akhir yang telah ditetapkan seperti yang disediakan pada garis panduan penyediaan Laporan Hasil Penyelidikan. Hasil laporan yang diperlukan adalah 2 salinan dalam bentuk *hardcopy* dan juga *softcopy* ke alamat e-mel pkkm@um.edu.my

1.9 **Tarikh Buka dan Tutup Permohonan**

Permohonan dibuka sepanjang tahun.

BAHAGIAN 2 PENILAIAN

2.1 **Penilaian Geran Penyelidikan Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu**

2.1.1 Permohonan geran penyelidikan PKKM akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.

- 2.1.2 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas.

BAHAGIAN 3 PEMANTAUAN

3.1 Implementasi Projek Penyelidikan

Semua projek yang diluluskan di bawah geran penyelidikan PKKM perlu dipantau dari aspek berikut :

- (i) Prestasi Projek; dan
- (ii) Prestasi Kewangan

3.2 Pengawalan Projek Penyelidikan

3.2.1 Tiap penyelidik perlu mengisi dan menghantar kepada Urus setia Penyelidikan PKKM laporan prestasi dan Kewangan projek penyelidikan PKKM yang terdiri daripada :

- (i) Borang Kemajuan Penyelidikan PKKM
 - Laporan prestasi projek penyelidikan PKKM (Borang Laporan Kemajuan Penyelidikan)
 - Untuk diisi oleh setiap penyelidik setiap tiga (3) bulan; dan
 - Perlu dihantar kepada pengurusan penyelidikan PKKM.
- (ii) Tuntutan Belanjawan Penyelidikan (Lampiran 1)
 - Tuntutan boleh dibuat sepanjang tempoh penyelidikan dijalankan.
 - Ketua Penyelidik perlu menghantar surat permohonan tuntutan belanjawan penyelidikan secara rasmi kepada pihak pengurusan penyelidikan PKKM.
 - Permohonan tuntutan mesti disertakan dengan resit-resit asal pembayaran atau borang penerimaan tunai yang disahkan bagi kegunaan penyelidikan.
 - Proses tuntutan mestilah melalui Urus setia Pentadbiran Kewangan PKKM.
- (iii) Borang Tuntutan Perjalanan dan Pengangkutan Penyelidik
 - Tuntutan perjalanan penyelidik perlulah dilakukan dengan mengisi borang tuntutan perjalanan dalam/luar negara seperti format penyelidikan Universiti Malaya. (kod borang: UM-PT05-PK01-BR307-S01/UM-PT05-PK01-BR306-S01)
- (iv) Laporan Akhir
 - Laporan Keseluruhan Penyelidikan disiapkan mengikut format yang telah ditetapkan oleh pihak PKKM.

- Dihantar kepada Urus setia penyelidikan PKKM dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat tempoh penyelidikan.

BAHAGIAN 4 KEPUTUSAN

4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan

- 4.1.1 Surat Tawaran/Kelulusan projek penyelidikan akan disampaikan kepada Ketua Penyelidik bagi setiap projek penyelidikan.
- 4.1.2 Ketua Penyelidik hendaklah memberi maklum balas melalui borang penerimaan tawaran peruntukan projek penyelidikan PKKM.
- 4.1.3 Sekiranya tiada maklum balas diterima dalam masa 2 minggu selepas tarikh surat tawaran dikeluarkan,
- 4.1.3 Pihak PKKM seterusnya akan memberi surat Tawaran Pelantikan sebagai penyelidik di bawah projek penyelidikan mengikut bidang.
- 4.1.4 Pembayaran akan dibuat oleh pihak PKKM melalui Bendahari UM kepada penyelidik setelah surat kelulusan dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan.

BAHAGIAN 5 LAIN-LAIN

5.1 Ketua Projek Berhenti bertugas di IPT/Berpindah IPT

- 5.1.1 Geran Penyelidikan PKKM diluluskan dan diperakukan untuk sesebuah projek. Jika berlaku seperti perenggan 5.1, geran tersebut masih di bawah kawal selia ahli penyelidik bersama yang diperakukan. Dengan itu, keputusan terhadap projek penyelidikan tersebut akan diguna pakai.
- 5.1.2 Sekiranya hanya seorang penyelidik bagi sesuatu projek, pihak Jawatankuasa Penyelidikan PKKM akan bermesyuarat untuk menentukan status penyelidikan berkenaan.

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada :

URUS SETIA PKKM
PUSAT KAJIAN KECERLANGAN MELAYU
BANGUNAN AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
50603 UNIVERSITI MALAYA
Kuala Lumpur
NO. TEL : +603-79677282/7265/7284
NO. FAKS : +603-79677281
E-MAIL : pkkm@um.edu.my